



PIKAS sasar vaksin 2.25 juta pekerja sektor

KUALA LUMPUR: Kira-kira 2.25 juta pekerja dalam sektor pembuatan disasarkan menerima vaksin COVID-19 menerusi pelaksanaan Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) bermula hari ini.

Menteri Kanan yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata PIKAS dilaksanakan secara berperingkat dengan 150,000 dos vaksin COVID-19 diperuntukkan dalam fasa pertama untuk tempoh sebulan bermula hari ini.

Menerusi pelaksanaan PIKAS, katanya, pekerja barisan hadapan ekonomi itu akan dilindungi daripada wabak COVID-19, sekali gus melancarkan pemulihan ekonomi negara.

"Mengikut statistik suku pertama 2021 Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kita ada 2.25 juta pekerja dalam sektor pembuatan.

"Apabila kita mencapai fasa tertentu dalam Pelan Pemulihan Negara, kita perlu membuka lebih banyak sektor ekonomi secara berperingkat.

"Apabila lebih banyak sektor ekonomi dibuka, pekerja perlu datang bekerja, maka kita mahu lindungi keselamatan pekerja menerusi PIKAS," katanya pada sidang media pelancaran PIKAS di sini, hari ini.

Terdahulu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, hadir melancar dan melawat pelaksanaan PIKAS yang pertama di Selangor di kilang Texas Instruments Malaysia Sdn Bhd, di sini.

Hadir sama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Mohamed Azmin berkata, PIKAS bermula serentak di Selangor, Pulau Pinang, Johor dan Sarawak hari ini.

Setakat ini, katanya, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menerima permohonan daripada lebih 500 syarikat membabitkan 106,000 pekerja untuk menyertai PIKAS.

Katanya, PIKAS dilaksanakan menerusi dua model, iaitu pemberian vaksin di kilang atau syarikat menghantar pekerja untuk menerima vaksin di pusat pemberian vaksin (PPV) terpilih.

"Model pertama, iaitu pemberian vaksin di kilang adalah untuk syarikat atau gabungan kilang yang memiliki lebih 1,000 pekerja kerana kaedah ini lebih berkesan dan pantas.

"Contohnya di sini, 2,371 pekerja akan diberi suntikan dengan kapasiti harian 300 dos, manakala PIKAS di Pulau Pinang esok membabitkan gabungan 21 kilang yang merangkumi 16,402 pekerja.

"Jumaat ini, pemberian vaksin akan membabitkan 5,124 pekerja Petronas di Pengerang, Johor.

"Model kedua adalah syarikat boleh menghantar pekerja di PPV.

"Enam PPV di seluruh negara dikenal pasti untuk PIKAS setakat ini, namun apabila bekalan vaksin bertambah, jumlah ini akan ditingkatkan bermula bulan depan," katanya. Mohamed Azmin berkata, jumlah 150,000 dos vaksin yang diperuntukkan untuk fasa pertama PIKAS akan ditingkatkan, apabila lebih banyak bekalan vaksin diterima.

"Pelaksanaan PIKAS tidak akan menjejaskan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), keutamaan tetap pada golongan berisiko, orang kurang upaya dan orang awam yang masih menunggu suntikan.

"Pekerja sektor ekonomi diberi perhatian kerana dalam tempoh sekatan pergerakan penuh ketika ini, mereka masih perlu bekerja, sekali gus terdedah pada jangkitan," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/828517/pikas-sasar-vaksin-225-juta-pekerja-sektor>